

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LKPP PROPERTY SDN. BHD.  
KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR

NOR SHARIZA BINTI MOHD ADNAM

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

n:3284

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)  
1100045088

LI 35 FPE 3 2006



1100045088

Laporan akhir latihan industri di LKPP Property Sdn. Bhd.  
Kuantan, Pahang Darul Makmur / Nor Shariza Mohd Adnam.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045088

**Lihat sebelah**

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI LKPP PROPERTY SDN. BHD, KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR**

**Disediakan oleh:**

**NOR SHARIZA BINTI MOHD ADNAM  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran Fakulti  
Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2006**

**1100045088**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, Nor Shariza Binti Mohd Adnam mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama: Nor Shariza Binti Mohd Adnam

Tarikh: 19 Oktober 2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum.....

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menjalani latihan industri ini dengan jayanya. Saya juga bersyukur kerana saya telah berjaya menyiapkan Buku Laporan Industri ini mengikut jangka masa yang telah ditetapkan oleh Unit Latihan Industri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan LKPP PROPERTY SDN. BHD, terutamanya kepada En. Abdul Rahim Burok selaku Pengarah Eksekutif yang telah banyak memberi peluang kepada saya untuk menjalani latihan industri di syarikat ini.

Tidak lupa juga kepada Pn. Khosiyah Bt. Halil selaku Eksekutif Pemasaran yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar serta ilmu pengetahuan yang berguna sepanjang saya menjalani latihan industri disini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kakitangan LKPP PROPERTY SDN. BHD. seperti En. Ahmad Tarmizi Bin Ismail, Cik Zulaikha Bt Abdul Latif, En. Mohd Khairul Bin Tapa, Faridah Bt Zakaria, dan tidak lupa juga kepada En. Safarin kerana telah banyak membantu saya dalam menyesuaikan diri dengan syarikat ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi iaitu Pn. Khatijah Bt. Omar yang telah banyak membantu saya dalam memberi panduan dalam menyiapkan laporan industri ini. Tidak lupa juga kepada ibu bapa saya yang telah menyalurkan sumber kewangan kepada saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi galakan sehingga tamat tempoh latihan industri di syarikat ini. Mereka juga telah banyak memberi panduan yang berguna semasa saya menyiapkan laporan ini.

Diharapkan laporan ini akan menjadi satu panduan yang berguna dan rujukan yang terbaik kepada pelajar-pelajar yang akan menjalani latihan industri di masa akan datang.

## **DEDIKASI**

**Khas buat ibu dan bapaku serta kakak, abang dan adik-adik tersayang.**

**Sesungguhnya harapan kalian tidak akan dilupakan.**

**Perjuangan ini akan kuteruskan sehingga**

**Kejayaan dapat dicapai.**

## **ISI KANDUNGAN**

### **Senarai Gambarajah**

### **Ringkasan Eksekutif**

### **BAB 1: Pengenalan**

1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.2 Maklumat Syarikat	2
1.3 Senarai Ahli Lembaga Pengarah Dan Jawatan Yang Disandang	3
1.4 Senarai Anggota Pengurusan	4
1.3 Carta Organisasi Syarikat	5
1.4 Matlamat / Objektif Syarikat	8
1.5 Tumpuan Pasaran / Sasaran Pasaran	9
1.6 Perancangan Masa Depan	10
1.7 Pemposision Pasaran	10
1.8 Wawasan Syarikat	11
1.9 Misi Syarikat	11
1.10 Fungsi LKPP PROPERTY SDN. BHD. Mengikut Sektor	12
1.11 Strategi Campuran Pemasaran (Marketing Mix)	16
1.12 Kekuatan Organisasi	20
1.13 Kemahiran Yang Dipelajari Oleh Pelatih	21
1.14 Aktiviti Organisasi	23

## **BAB 2: Pengenalpastian Sistem, Masalah Dan Penyelesaian**

### **2.1 Pengenalpastian Sistem**

2.1.1 Sistem Aktiviti Jualan	28
2.1.2 Sistem Penyerahan Bangunan	32
2.1.3. Sistem Kerja Penyelenggaraan (Khidmat Selepas Jualan)	36

### **2.2 Analisis Masalah**

2.2.1 Sistem Aktiviti Jualan	41
2.2.2 Sistem Penyerahan Bangunan	43
2.2.3. Sistem Kerja Penyelenggaraan (Khidmat Selepas Jualan)	44

### **2.3 Cadangan Penyelesaian**

2.3.1 Sistem Aktiviti Jualan	46
2.3.2 Sistem Penyerahan Bangunan	48
2.3.3. Sistem Kerja Penyelenggaraan (Khidmat Selepas Jualan)	49

<b>BAB 3:</b>	<b>Penutup</b>	<b>50</b>
---------------	----------------	-----------

<b>RUJUKAN</b>	<b>52</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>53</b>
-----------------	-----------

## **SENARAI GAMBARAJAH**

Gambarajah 1.1: Contoh Projek Yang Dijalankan Oleh Syarikat	2
Gambarajah 1.2: Senarai Ahli Lembaga Pengarah Dan Jawatan Yang Disandang	3
Gambarajah 1.3: Senarai Anggota Pengurusan	4
Gambarajah 1.4: Carta Organisasi Syarikat	5
Gambarajah 1.5: Contoh Gambar Projek Taman Guru Yang Telah Dijalankan	24
Gambarajah 1.6: Contoh Gambar Projek Perumahan Paya Pulai Yang Masih Dalam Pelaksanaan	27
Gambarajah 2.1 : Sistem Aktiviti Jualan	29
Gambarajah 2.2: Lawatan tapak yang dihadiri oleh semua pemaju, kontraktor, arkitek, jurutera, dan juruukur	32
Gambarajah 2.3 : Sistem Penyerahan Bangunan	34
Gambarajah 2.4 : Kerja Penyelenggaraan (Khidmat Selepas Jualan)	37-38
Gambarajah 2.5: Contoh Kerosakan Yang Berlaku	45

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sepanjang pelatih menjalani latihan industri selama 12 minggu iaitu bermula 17 April sehingga 8 Julai, pelbagai pengetahuan dan pengalaman baru di pelajari oleh pelatih. Di awal pembabitan pelatih di LKPP PROPERTY SDN. BHD., pelatih telah ditempatkan di bahagian pemasaran. Di bahagian ini pelatih ditugaskan untuk melakukan aktiviti pemasaran. Antaranya seperti menjalankan penyelidikan pemasaran, melawat tapak. Tidak terdapat sebarang masalah dalam kesemua tugas yang diberikan kepada pelatih kerana sistem yang digunakan adalah mudah dan sistematik. Pelatih berpeluang melakukan aktiviti pemasaran seperti promosi, perkhidmatan pelanggan, perletakkan harga, dan berkomunikasi dengan pelanggan. Pelatih turut di beri tunjuk ajar di dalam bahagian Teknikal. Namun, adakah terdapat tugas yang tidak dapat dilaksanakan berikutan tenaga kerja yang terhad di bahagian pemasaran. Secara kesimpulannya, sepanjang menjalani Latihan Industri pelatih dapat mempraktikkan apa yang telah pelatih pelajari sepanjang tempoh pengajian dan mempelajari sesuatu yang baru dan pastinya sangat berharga untuk pelatih jadikan bekalan apabila bergraduat nanti bagi membina kerjaya.